

Kaji impak umur pencer 65 tahun

CADANGAN Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) agar had umur bersara mandatori dinaikkan daripada 60 kepada 65 tahun di negara ini seperti yang dilakukan beberapa negara maju termasuk Singapura mendapat pelbagai reaksi.

Perkara tersebut diutarakan MTUC selepas melihat keperluan had umur persaraan dinaikkan disebabkan gaji rendah yang mengakibatkan pekerja tidak memiliki simpanan mencukupi untuk menampung perbelanjaan pada usia persaraan.

Jika perkara tersebut berlaku, ini bukanlah kali pertama had umur persaraan dinaikkan kerana pada 2001 dinaikkan daripada 55 kepada 56 tahun diikuti kali kedua pada 2008 iaitu daripada umur 56 kepada 58 tahun. Pada 27 Jun 2012, kerajaan telah membentangkan Rang Undang-Undang Umur Persaraan di Parlimen yang menetapkan umur persaraan dilanjutkan sehingga 60 tahun dan diluluskan sebelum mula dikuatkuasakan pada 2013 sehingga sekarang.

Ada yang bersetuju had umur bersara itu dinaikkan dan ada juga yang membantah kerana sekiranya perkara tersebut berlaku, ia berupaya menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan belia di negara ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tiada keperluan untuk melanjutkan had umur bersara mandatori daripada 60 kepada 65 tahun kerana boleh menyekat kenaikan pangkat orang lain.

Dr. Mahathir berkata, terdapat negara yang tiada had umur bersara dan mereka boleh kerja sampai bila-bila tetapi akan menyekat peluang generasi muda.

Sebelum ini, Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan sebelum membuat keputusan berkenaan perkara itu.

Beliau memberitahu, cadangan tersebut dilihat mampu memberi kebaikan kepada negara pada masa hadapan.

"Negara kekurangan tenaga kerja dan bukannya kekurangan peluang pekerjaan. Oleh sebab itu, kita mengambil ramai pekerja asing disebabkan negara ini kekurangan tenaga kerja. Jika dilihat kadar pengangguran negara adalah 3.3 peratus yang kebanyakannya membabitkan golongan muda termasuk gra-



Di Sebalik
Isu Panas

Bersama
NOOR SYAHIDATOOL
AQMA MOHD. NOOR

Jika umur bersara dinaikkan kepada 65 tahun, agak sukar bagi pihak majikan untuk memberhentikan pekerja yang kurang produktif.

duan yang baru menamatkan pelajaran," ujarnya.

Namun, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman tidak bersetuju dengan cadangan MTUC tersebut. Beliau sebaliknya mahu kerajaan memberi fokus kepada masalah pengangguran dalam kalangan belia. Hal ini kerana, katanya, kadar pengangguran belia di Jepun hanyalah 3.4 peratus, Singapura (5.9 peratus) dan Jerman (6.2 peratus) sedangkan di Malaysia sebanyak 10.7 peratus.

Rata-rata netizen turut tidak bersetuju had umur persaraan tersebut dinaikkan kerana dilihat menyekat peluang pekerjaan kepada golongan muda. Malah, ada juga yang menyarankan kerajaan supaya melakukan pemeriksaan kesihatan kepada mana-mana pekerja yang berhasrat mahu bersara

pada usia 65 tahun bagi memastikan mereka berada dalam keadaan baik sekiranya perkara itu dipersetujui kelak.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr. Wan Arnidawati Wan Abdullah menyokong keputusan kerajaan meneliti kemungkinan menaikkan had umur persaraan.

"Kerajaan sepatutnya melihat terlebih dulu impak kenaikan had umur persaraan mandatori sebelum ini kerana sememangnya memberi kesan kepada industri dan majikan itu sendiri.

"Jika umur bersara dinaikkan kepada 65 tahun, agak sukar bagi pihak majikan untuk memberhentikan pekerja yang kurang produktif kerana membabitkan kos kewangan," jelasnya.

Wan Arnidawati berkata, terdapat kebaikan dan keburukan sekiranya kerajaan mahu menaikkan had umur persaraan tersebut.

"Kebaikannya ialah pekerja masih mempunyai pendapatan untuk meneruskan kelangsungan hidup berikutkan jangka hayat penduduk Malaysia yang semakin meningkat disebabkan kualiti kesihatan agak tinggi terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Kesimpulannya, cadangan menaikkan had umur persaraan kepada 65 tahun ini perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana memberi kesan kepada rakyat secara keseluruhan.

KOSMORAMA

Oleh MARO

MEJA BAKAL PESARA
UMUR 60 TAHUN



MEJA BAKAL PESARA
KALAU UMUR 65 TAHUN

